

# Isu air: Malaysia bukan 'kaki buli'

At 19/7/03

KUALA LUMPUR: Malaysia bukan 'kaki buli' seperti yang dihebohkan Singapura ke seluruh dunia bagi menyalahkan Kuala Lumpur berhubung kebuntuan proses rundingan isu air.

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam siri iklan keenam yang disiarkan akhbar tempatan hari ini, menegaskan Malaysia tidak pernah mengambil kesempatan terhadap desakan keperluan air oleh Singapura.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri berjanji Malaysia tidak akan menyekat bekalan air ke Singapura.

Berikutan itu, MTEN mempersoalkan apakah menuntut harga yang patut satu tindakan membuli dan apakah harga yang wajar itu satu permintaan yang melampau.

Dalam iklan terbaru itu, MTEN menjelaskan Malaysia sebenarnya hampir tidak mendapat apa-apa daripada air mentah yang dibekalkan ke Singapura.

"Apa yang Malaysia harapkan hanyalah harga patut," kata MTEN dalam iklan itu.

Selain menyiarkan laman siri iklan dengan yang terakhir pada Ahad ini, MTEN juga akan mengeluarkan buku kecil bagi menyanggah tuduhan Singapura dalam buku kecil terbitan republik itu bertajuk *Rundingan Air: Hakikat Sebenarnya*.

Iklan pertama terbitan MTEN yang disiarkan akhbar tempatan Ahad lalu menyatakan Malaysia hanya memperoleh bayaran

## Singapura cabar hak Malaysia

► DARI MUKA 1

RM2.39 juta dari Singapura hasil jualan air mentah pada 2001 berbanding keuntungan republik itu sebanyak RM662.5 juta menerusi air tanpa proses yang diperoleh dari Malaysia.

Malaysia menjual air yang belum dirawat pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen ke Singapura iaitu kadar harga sejak 1927. Bagaimanapun, pada 2001, Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew menawarkan harga 45 sen sehingga 2011, dan 60 sen mulai 2011 sehingga 2061,

dan harga yang sama berterusan sehingga 100 tahun selepas itu.

Malaysia pula menetapkan syarat bahawa Singapura perlu membayar 60 sen dari 2002 hingga 2007, dan dinaikkan kepada RM3 sehingga 2011. Selepas 2011, Malaysia menuntut struktur harga baru menggunakan formula baru juga.

Singapura bukan saja tidak bersetuju dengan formula baru itu, malah mencabar setiap aspek berhubung hak Malaysia untuk menyemak semula harga air mengikut Perjanjian Air 1961 dan 1962 antara kedua-dua negara.

LIHAT MUKA 2 ►